

Jadual padat menanti lawatan 4 hari Anwar di Peru

**Daripada
Kamarulzaidi
Kamis**
*kamarulzaidi
@bh.com.my*
di Lima, Peru

Jadual padat menanti Datuk Seri Anwar Ibrahim sepanjang lawatan sulung empat hari di Peru, seiring Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC (AELM) yang Ke-31.

Lewat semalam waktu Malaysia, Perdana Menteri bertemu dengan Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra di Istana Kerajaan Peru.

Selain membincangkan isu serta kerjasama dua hala dalam mengukuhkan hubungan Kuala Lumpur-Lima, Anwar juga akan menerima pingat tertinggi Kerajaan Peru, El Sol del Peru sebagai satu penghormatan tertinggi kepada ketua kerajaan.

Selain itu, Anwar dijadual mengadakan perbincangan meja bulat dengan kapten industri Peru bagi mempromosikan peluang perniagaan, khususnya dalam sektor tenaga boleh baharu dan industri digital.

Malah, wakil syarikat terna-

ma dunia seperti TikTok dan Google turut dijadual menemui Perdana Menteri.

Hari ini, Anwar akan menghadiri Sidang Kemuncak CEO APEC sebagai salah seorang ahli panel dalam sesi bertajuk *Opportunities and Challenges in the AI Revolution*.

Esok Perdana Menteri akan menyertai Dialog Tidak Rasmi Pemimpin APEC dengan Tetamu dan Dialog Pemimpin Ekonomi APEC bersama Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC), selain akan menyampaikan intervensi Malaysia ketika Sesi Pemukiman AELM, esok.

Di sela-sela AELM, Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan-rakan sejawatnya dari Ekonomi APEC yang lain termasuk dari Jepun dan New Zealand.

Anwar tiba di sini pada jam 11.15 malam Selasa waktu tempatan dalam lawatan sulung ke sini dengan pesawat khas di Pangkalan Udara Ketenteraan Kumpulan No 8, Aeronaves, Peru disambut oleh Duta Besar Malaysia ke Peru, Ahmad Irham Ikmal Hisham.



Anwar tiba di Lima dalam lawatan sulung empat hari seiring Mesyuarat APEC Ke-31, Peru, semalam.

(Foto BERNAMA)

Mengiringi beliau dalam pesawat sama dari Kaherah, Mesir adalah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Turut sama adalah Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan

Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir dan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Huang Tiong Si.

Kerajaan Peru pula diwakili oleh Menteri Pengeluaran Peru, Sergei Gonzalez Guerrero; Ketua Protokol, Kementerian Luar Ne-

geri Peru, Luis Escalante Schuller dan Panglima Pangkalan Udara, Jeneral Julio Cesar Gutierrez.

Beliau kemudian menerima tabik hormat daripada pasukan tentera Peru sebelum ke hotel penginapan bagi meneruskan mesyuarat pramajlis.